

**Enggan terima hujah Speaker, Azmin Ali dihalau keluar dewan  
Astro Awani  
10 April 2014**

**KUALA LUMPUR:** Ahli Parlimen Gombak, Mohd Azmin Ali diarahkan keluar dari Dewan Rakyat hari ini setelah mempertikaikan keputusan yang dibuat yang Dipertua Dewan Rakyat, lapor The Malaysian Insider.

Mohd Azmin kecewa dengan tindakan meletakkan usul yang dibawanya berkaitan perilaku hakim sebagai perkara terakhir dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

Katanya, keputusan yang dibuat oleh Yang Dipertuan Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia sangat mengecewakan dan alasan yang diberikan tidak kukuh.

“Saya minta penjelasan mengapa usul penting dan menepati perlembagaan untuk membincangkan perilaku hakim ditolak sewenang-wenangnya.

“Usul kerajaan setakat nombor enam. Kenapa tidak letak usul saya di nombor tujuh?” katanya dalam sidang media di lobi Parlimen.

Dalam usulnya, Azmin meminta Dewan Rakyat membincangkan perlakuan tiga hakim Mahkamah Rayuan yang menjatuhkan hukuman penjara lima tahun ke atas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kes liwat yang dihadapinya.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/news/show/enggan-terima-hujah-speaker-azmin-ali-dihalau-keluar-dewan-33588?cp>